

Received	19 February 2023	Accepted	20 February 2023
Revised	20 March 2023	Published	1 December 2023
Volume	3, December 2023	Pages	1-10
<a href="http://doi.org/">http://doi.org/</a>			
<b>To cite:</b> Ahmad Daniel Fitri Bin Ismail, Mohd Khairul Akhbar Jahiruddin. 2023. Analisis tahap kemahiran bahasa Arab pasca Covid-19: kajian kes di Universiti Malaya. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 3: 1-10. DOI: <a href="http://doi.org/">http://doi.org/</a>			

## Analisis Tahap Kemahiran Bahasa Arab Pasca Covid-19: Kajian Kes di Universiti Malaya

Analysis of Arabic Language Proficiency Post-COVID-19:  
A Case Study at the University of Malaya

Ahmad Daniel Fitri Ismail<sup>1</sup> & Mohd Khairul Akhbar Jahiruddin<sup>2</sup>

### Abstrak

Kajian ini menilai tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, terutamanya selepas tempoh pandemik Covid-19. Isu kajian berkaitan kemahiran memahami teks Arab, penggunaan kamus, dan kemahiran penulisan, di mana pandemik telah menjelaskan pembelajaran pelajar akibat peralihan kepada pembelajaran dalam talian. Metodologi kajian bersifat kualitatif, menggunakan set soalan ujian kefahaman dan penulisan untuk menilai kemahiran pelajar dari pelbagai tahun pengajian. Hasil kajian menunjukkan kebanyakkan pelajar berada pada tahap sederhana, dengan hanya tiga daripada 20 responden mencapai tahap memuaskan. Kajian menyimpulkan bahawa kelemahan dalam pembinaan ayat dan kurangnya amalan komunikasi dalam bahasa Arab menjadi punca utama prestasi sederhana. Saranan dikemukakan bagi meningkatkan kemahiran pelajar melalui latihan lebih konsisten dan pemahaman yang lebih teliti terhadap soalan ujian.

**Kata kunci:** penguasaan bahasa Arab, pembelajaran atas talian, pandemik Covid-19, kesukaran pembelajaran bahasa asing

<sup>1</sup> Ahmad Daniel Fitri Bin Ismail, pelajar tahun akhir, Program Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (Bahasa Arab) dengan Kepujian, Universiti Malaya, MALAYSIA. E-mel: fitrid33atwork@gmail.com

<sup>2</sup> Mohd Khairul Akbar Jahiruddin, Guru Bahasa, Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, MALAYSIA. E-mel: akhbarnp@um.edu.my

## Abstract

*This study evaluates the proficiency levels of Arabic language acquisition among Bachelor of Arabic Language students at the Faculty of Languages and Linguistics, University of Malaya, particularly in the aftermath of the Covid-19 pandemic. The research issues addressed include skills in comprehending Arabic texts, dictionary usage, and writing proficiency, all of which were impacted by the shift to online learning during the pandemic. The study adopts a qualitative methodology, utilizing a set of comprehension and writing tests to assess students' skills across different academic years. The findings indicate that the majority of students demonstrated a moderate level of proficiency, with only three out of 20 respondents achieving satisfactory levels. The study concludes that weaknesses in sentence construction and a lack of practice in Arabic communication are the primary causes of the moderate performance. Recommendations are made to improve students' skills through more consistent practice and a deeper understanding of test questions.*

**Keywords:** Arabic language proficiency, online learning, Covid-19 pandemic, foreign language learning difficulties.

## Pendahuluan

Menurut laman Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, bahasa Arab telah diperkenalkan di fakulti tersebut bermula 27 April 1996. Kini, Fakulti Bahasa dan Linguistik menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Kepujian, yang tempoh pengajiannya adalah selama tujuh semester, iaitu tiga tahun setengah. Graduan program pengajian ini terkenal dengan kemahiran bertutur, berkomunikasi, menulis, serta membaca dalam bahasa Arab dengan baik, dan dikenali sebagai graduan yang berprestij dan tersohor. Hal ini disebabkan oleh modul pembelajaran, suasana akademik, fasiliti, kemudahan, serta bahan pembelajaran yang disediakan oleh Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, yang kesemuanya adalah penting dan berkesan dalam proses mempelajari bahasa Arab (Hairun Najuwah Jamali et al., 2018).

Seiring perkembangan global, bahasa Arab telah tersebar luas, terutamanya dalam kalangan penganut agama Islam. Bahasa Arab mencatatkan sejarah pada 18 Disember 1973 apabila diiktiraf oleh UNESCO sebagai salah satu bahasa internasional, sekaligus menjadi bahasa rasmi dunia. Di Malaysia, bahasa Arab juga diiktiraf sebagai bahasa kedua atau bahasa asing dalam kurikulum pendidikan (Mohd Zuhir Abd Rahman & Mohd Azidan Abdul Jabar, 2014). Oleh itu, bahasa Arab memainkan peranan penting di Malaysia. Selain itu, Malaysia sebagai destinasi pelancongan antarabangsa sering menerima kunjungan pelancong dari Negara-Negara Timur Tengah, menjadikan penguasaan bahasa Arab penting dalam urusan komunikasi, serta dalam urusan diplomatik negara yang melibatkan negara-negara tersebut.

Kajian ini memfokuskan tahap kemahiran dan penguasaan para pelajar program pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (Bahasa Arab) di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya. Kajian ini juga bertujuan menjadi kayu ukur untuk membantu para pelajar meningkatkan semangat mereka dan berusaha dalam mempelajari bahasa Arab sehingga benar-benar mahir.

Isu utama dalam kajian ini ialah tahap kemahiran memahami teks Arab, penggunaan mu'jam (kamus) Arab, dan kemahiran penulisan dalam bahasa Arab. Wabak Covid-19 yang melanda dunia telah membataskan pergerakan, dan pembelajaran turut terjejas. Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan semasa pandemik Covid-19, tiada pembelajaran secara bersemuka dilakukan. Hal ini menyebabkan pelajar mengalami keterbantutan dalam proses pembelajaran, kerana pembelajaran secara talian mempunyai kelemahan, di mana input yang disampaikan oleh guru tidak dapat diterima sepenuhnya oleh pelajar. Menurut Wei (2020), pelajar sukar manicotti sepenuhnya pelajaran yang melibatkan pembelajaran amali, kerana pembelajaran atas talian hanya dapat mengajar teori, tanpa praktik amali. Pembelajaran bahasa, yang bersifat amali, memerlukan latihan komunikasi untuk memperkuatkannya teori. Bahasa Arab, sebagai bahasa asing di Malaysia, sukar diperaktikkan oleh pelajar kecuali melalui latihan komunikasi dengan rakan-rakan. Oleh kerana pandemik dan kawalan pergerakan, pelajar sukar berkomunikasi antara satu sama lain.

Kajian ini dilaksanakan untuk menilai kembali tahap penguasaan pelajar Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah (JBATT) Universiti Malaya pasca Covid-19. Ia bertujuan menjadi kayu ukur bagi menentukan perbezaan tahap kemampuan dalam kalangan pelajar JBATT, serta untuk meningkatkan semangat mereka dalam mencapai kecemerlangan sebagaimana graduan-graduan terdahulu.

## Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah mengukur tahap penguasaan bahasa Arab bagi setiap tahun pengajian program Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (Bahasa Arab) dengan Kepujian di Universiti Malaya.

## Sorotan Literatur

Kajian terhadap tahap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, telah mengetengahkan beberapa pandangan daripada kajian-kajian lain yang berkaitan. Antaranya, kajian oleh Ahmad Farid Fadhli Mustafa (2014) menyatakan bahawa *qawaaid Arabiyyah* adalah sumber utama dalam pemahaman dan penguasaan Bahasa Arab. Bagi pelajar yang ingin mendalami Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar, aspek penguasaan bahasa tersebut perlu diberikan perhatian serius. Proses pembelajaran dan pengajaran akan menjadi lebih mencabar jika pelajar lemah dalam asas-asas Bahasa Arab, terutama bagi mereka yang tidak memiliki pengetahuan awal.

Menurut kajian oleh Mohd Zuhir Abd Rahman dan Mohd Azidan Abdul Jabar (2014), budaya tempatan, khususnya budaya Melayu, memberi impak yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab di sekolah. Budaya ini membantu pelajar dalam

pemahaman makna perkataan, penguasaan kosa kata, serta pengalaman sedia ada pelajar, yang seterusnya meningkatkan tahap kefahaman dan kemahiran mereka, terutamanya dalam kemahiran bertutur dan menulis.

Hanis Najwa Shaharuddin et al. (2022) pula menegaskan bahawa komunikasi verbal dan non-verbal saling melengkapi dalam memberikan kefahaman kepada pelajar. Dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab, kemahiran non-verbal terbukti mampu membantu pelajar memahami pembelajaran dengan lebih baik dan meningkatkan minat mereka terhadap bahasa sasaran.

Kajian oleh Hairun Najuwah Jamali et al. (2017) menunjukkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sangat penting dalam penguasaan Bahasa Arab. Masalah-masalah yang dialami oleh pelajar seperti penguasaan kosa kata, tatabahasa, kemahiran bertutur, membaca, dan menulis perlu diberi perhatian oleh guru. Kajian ini turut mendapati bahawa pelajar tahun pertama sering menghadapi kesulitan dalam membaca, menulis, serta memahami teks lisan dan mendengar pada minggu-minggu awal pembelajaran.

Awatif Abdul Rahman et al. (2014) menegaskan bahawa kemahiran membaca adalah salah satu kemahiran asas yang diperlukan oleh pelajar untuk mencapai tahap penguasaan Bahasa Arab yang mantap. Sementara itu, Fatin Hamimah Rosli et al. (2014) mendapati bahawa tahap penggunaan Bahasa Arab yang rendah dalam kalangan pelajar sering dikaitkan dengan masalah dalaman seperti kurang keyakinan diri, takut melakukan kesalahan, malu, dan rendah diri. Kekurangan ini menyebabkan pelajar kurang bersemangat, malu untuk menggunakan Bahasa Arab, dan jarang mengamalkan komunikasi dalam bahasa tersebut.

Selain itu, Nurwaina Rasit dan Zawawi Ismail (2019) menekankan bahawa keupayaan pelajar dalam menguasai Bahasa Arab memerlukan usaha dan sokongan berterusan daripada pelbagai pihak, terutama pihak sekolah. Saipolbarin Ramli et al. (2018) pula mendapati bahawa pelajar sering gagal mengaplikasikan formula dan rumus Bahasa Arab yang dihafal dengan baik dalam penulisan teks.

Kajian yang dilakukan pada tahun 2014 oleh Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abdul Rahman, dan Hairun Najuwah Jamali mendapati bahawa kemahiran menulis, membaca, dan bertutur pelajar UPSI berada pada tahap tinggi, manakala kemahiran mendengar berada pada tahap sederhana. Akhir sekali, kajian oleh Mohamad Rofian Ismail et al. (2018) menyatakan bahawa pelajar kurang mahir dalam penulisan karangan kerana mereka mengambil masa yang lama untuk menyiapkan tugas.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan suatu kajian yang berbentuk kajian secara kualitatif. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar program pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (Bahasa Arab) di Universiti Malaya. Oleh itu, 5 orang wakil dari setiap tahun iaitu pelajar tahun 1, tahun 2, tahun 3 dan tahun 4 yang merupakan tahun akhir. Kajian ini dilaksanakan dengan menjawab satu set soalan yang sama untuk semua tahun. Soalan-soalan ini terdiri daripada soalan kefahaman, memberikan perkataan berlawanan dan perkataan seerti, membina ayat dan menterjemah petikan. Berikut merupakan bentuk soalan dan skor pemarkahan:

Bentuk Soalan	Markah
Soalan Kefahaman (Baca teks dan jawab soalan berdasarkan teks)	20
Berikan Perkataan Berlawanan Dan Bina Ayat	20 Perkataan Berlawanan: 10 Bina Ayat: 10
Berikan Perkataan Seerti Dan Bina Ayat	20 Perkataan Seerti: 10 Bina Ayat: 10
Terjemah Petikan	20

Kesemua responden diminta untuk menjawab set soalan ujian tanpa berpandukan bahan bantu seperti “Google” dan kamus. Masa yang diberikan untuk setiap responden menjawab adalah satu jam tiga puluh minit. Setiap set soalan akan dinilai dan tahap penguasaan akan dinilaikan berdasarkan jumlah skor markah seperti berikut:

Skor Markah	Tahap Penguasaan
0 - 40	Tidak Memuaskan
41-60	Sederhana
61-80	Memuaskan

Seterusnya kajian akan diteruskan dengan analisis faktor-faktor yang mendorong kepada hasil yang dicapai dalam ujian tersebut dengan merujuk kajian-kajian lepas.

### Dapatan Kajian

Responden	Jantina	Markah	Markah Penuh	Peratusan	Purata	Purata Peratusan
Pelajar Tahun 1					46.2	57.75
Responden 1	Perempuan	51	80	63.75%		
Responden 2	Perempuan	48	80	60%		
Responden 3	Perempuan	45	80	56.25%		
Responden 4	Perempuan	42	80	52.5%		
Responden 5	Lelaki	45	80	56.25%		
Pelajar Tahun 2					51.4	64.25%
Responden 6	Perempuan	54	80	67.5%		
Responden 7	Lelaki	55	80	68.75%		
Responden 8	Lelaki	47	80	58.75%		

Responden 9	Perempuan	57	80	71.25%		
Responden 10	Lelaki	44	80	55%		
Pelajar Tahun 3					57.2	71.5%
Responden 11	Lelaki	55	80	68.75%		
Responden 12	Perempuan	46	80	57.5%		
Responden 13	Perempuan	46	80	57.5%		
Responden 14	Lelaki	71	80	88.75%		
Responden 15	Lelaki	68	80	85%		
Pelajar Tahun 4					50.4	63%
Responden 16	Lelaki	44	80	55%		
Responden 17	Lelaki	34	80	42.5%		
Responden 18	Perempuan	52	80	65%		
Responden 19	Perempuan	53	80	66.25%		
Responden 20	Perempuan	69	80	86.25%		

Melalui ujian yang dijalankan ke atas responden markah ujian direkodkan dan dikelaskan mengikut ulasan seperti berikut:

Responden	Jantina	Markah	Ulasan
Pelajar Tahun 1			
Responden 1	Perempuan	51	Sederhana
Responden 2	Perempuan	48	Sederhana
Responden 3	Perempuan	45	Sederhana
Responden 4	Perempuan	42	Sederhana
Responden 5	Lelaki	45	Sederhana
Pelajar Tahun 2			
Responden 6	Perempuan	54	Sederhana
Responden 7	Lelaki	55	Sederhana
Responden 8	Lelaki	47	Sederhana
Responden 9	Perempuan	57	Sederhana
Responden 10	Lelaki	44	Sederhana
Pelajar Tahun 3			
Responden 11	Lelaki	55	Sederhana
Responden 12	Perempuan	46	Sederhana
Responden 13	Perempuan	46	Sederhana
Responden 14	Lelaki	71	Memuaskan
Responden 15	Lelaki	68	Memuaskan

Pelajar Tahun 4			
Responden 16	Lelaki	44	Sederhana
Responden 17	Lelaki	34	Sederhana
Responden 18	Perempuan	52	Sederhana
Responden 19	Perempuan	53	Sederhana
Responden 20	Perempuan	69	Memuaskan

Berdasarkan jadual ini, dapat kita rumuskan bahawa hanya 3 responden dari 20 responden mencapai tahap memuaskan. Ini juga menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (Bahasa Arab) di Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya masih berada di tahap sederhana.

Melalui analisis yang dijalankan, pengkaji mendapati pelajar mempunyai masalah dalam membina ayat dari perkataan berlawanan dan perkataan seerti. Majoriti pelajar tidak menjawab bahagian membina ayat yang menyebabkan punca kehilangan 20 markah. Dapat disimpulkan bahawa pelajar tidak berhati-hati dalam membaca, menganalisis dan menjawab soalan sehingga menyebabkan mereka kehilangan 20 markah.

### Perbincangan

Melalui kajian yang telah dijalankan dan dianalisis, kajian mendapati majoriti pelajar tidak berjaya mencapai tahap memuaskan yang menjadi kayu ukur tahap kemahiran mereka yang tinggi serta ada juga pelajar yang hanya memenuhi tahap sederhana seterusnya menunjukkan tahap kemahiran mereka masih lagi rendah dan tidak mencapai tahap memuaskan. Beberapa faktor kekuatan dan kelemahan pelajar telah dikaji semasa menjalankan kajian ini.

### Faktor Kelemahan

Menurut Arwansyah Kirin et.al (2021), pada penghujung tahun 2019 proses pembelajaran telah berubah dari proses PdP secara bersemuka kepada proses pembelajaran secara atas talian secara penuh disebabkan oleh pandemik Covid-19. Arwansyah Kirin et.al (2021) juga menyatakan bahawa pembelajaran di atas talian tidak sepenuhnya memberi impak positif kepada pelajar.

Dalam kajian yang dilakukan Arwansyah Krin et.al (2021) mendapati bahawa PdP secara atas talian menyebabkan pelajar tidak dapat fokus seterusnya menjadikannya membosankan kerana tiada hubungan dua hala antara pelajar dan guru. Hal ini menyebabkan pelajar meninggalkan pembelajaran dengan tidak fokus dalam kelas dan tidak memahami pembelajaran yang disampaikan.

PdP secara atas talian mengurangkan interaksi antara sesama pelajar dan juga antara pelajar dengan guru (Arwansyah Krin et.al, 2021). Bagi pelajar bahasa interaksi dan komunikasi penting dalam pembelajaran kerana dengan interaksi membantu dalam kefasihan bertutur serta penggunaan bahasa Asing terutamanya bahasa Arab. Oleh kerana kurangnya interaksi dan komunikasi semasa PdP online kemampuan bahasa pelajar akan menjadi lemah.

Bermula pada 1 Mac 2022 pelajar Institut Pengajian Tinggi telah dibenarkan pulang ke kampus universiti secara berperingkat (Bernama, 2022). Dengan itu, pelajar kembali kepada PdP secara bersemuka atau *face to face*.

Faktor kelemahan yang dihadapi pelajar semasa pembelajaran bersemuka adalah kurangnya komunikasi menggunakan bahasa asing yang dipelajari. Menurut kajian Ab. Halim Mohamad (2009) faktor-faktor kurangnya interaksi pertuturan menggunakan bahasa Arab adalah malu untuk melontarkan kata-kata dalam bahasa Arab. Pelajar merasa rendah diri, kurang keyakinan diri, risau serta takut ditertawakan oleh rakan-rakan seterusnya takut akan sindiran rakan-rakan, kurang semangat untuk berkomunikasi serta bertutur dalam bahasa Arab dan takut melakukan kesilapan ketika bertutur dalam bahasa Arab.

Akhir sekali, Sofian Muhammad dan Zainal Abidin Abd. Kadir (1986) mendapati faktor kelemahan pelajar bahasa Arab adalah disebabkan oleh tahap motivasi yang rendah sehingga mereka menganggap pembelajaran bahasa Arab merupakan suatu pembelajaran yang sukar dan susah. Oleh kerana itu, pelajar hilang semangat dan malas dalam pembelajaran sehingga menurunkan prestasi pembelajaran mereka.

### **Faktor Kekuatan**

Dalam menghadapi pandemik Covid-19, pelajar mendapat manfaat akan pembelajaran secara online yang dilaksanakan. Antara faktor kekuatan yang membantu pelajar meningkatkan tahap pemahaman mereka ialah kecaknaan mereka terhadap maklumat yang disampaikan oleh guru atau pensyarah. Menurut Arwansyah Kirin (2021), maklumat serta bahan pembelajaran yang diberikan oleh pensyarah dapat diakses, dibaca serta didapati dengan cepat sama ada melalui *e-mail, author, atau whatsapp* dan lain-lain tanpa perlu dicatatkan seperti yang diajarkan pada papan tulis. Oleh itu, mereka dapat mempelajari bahan tersebut bila-bila masa.

Selain itu, menurut Boon 2020 semenjak pandemik Covid-19 mula merebak ke seluruh dunia, penggunaan *Google Meet* dan *Youtube* meningkat secara mendadak kerana menjadi platform ganti kepada pembelajaran bersemuka. Pelajar menggunakan *Youtube* sebagai satu platform pembelajaran dan mendapatkan maklumat pembelajaran. Dapatan dari kajian Rahil Mohd Ghazali dan Harun Baharudin (2016) ialah *Youtube* membantu pelajar mempelajari kemahiran mendengar dalam bahasa Arab. Dalam kekalutan pandemik, pelajar dapat memanfaatkan *youtube* sebagai satu platform akademik.

Akhir sekali, melalui kajian Mastura Arshad dan Kaseh Abu Bakar pada 2012 strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar ialah komunikasi dan pertuturan bahasa Arab dalam kelas. Bahasa Arab merupakan bahasa asing bagi rakyat Malaysia. Oleh itu cara mempelajari bahasa adalah dengan melatihnya seperti bertutur, menulis, serta mendengar.

### **Kesimpulan**

Kesimpulan yang dapat diambil dari kajian ini adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (Bahasa Arab) dengan Kepujian di Universiti Malaya masih lagi belum mencapai tahap yang memuaskan, hanya berada di tahap sederhana. Hal

ini berlaku oleh kerana kecuaian pelajar dan kurangnya latihan dalam mempraktikkan bahasa Arab yang merupakan bahasa Asing.

Oleh itu pengkaji menyenaraikan beberapa cadangan kepada para pelajar agar tidak mengulangi kesalahan dan kecuaian yang sama.

1. Pelajar perlulah bersikap hati-hati dalam membaca, menganalisis soalan sebelum menjawab soalan agar tiada informasi yang tertinggal yang menyebabkan kehilangan markah yang sia-sia.
2. Bahasa Arab merupakan bahasa asing di Malaysia, oleh kerana itu pelajar perlu sentiasa memraktikkan bahasa Arab melalui pertuturan, pendengaran, pembacaan dan penulisan agar lebih mahir dan fasih dalam mempelajari bahasa Arab.
3. Pelajar perlulah meningkatkan kemahiran dan kemampuan bahasa Arab sehingga mencapai tahap yang terbaik agar pelajar mampu menjadi teladan kepada orang lain untuk mendalami pembelajaran bahasa Arab

### Rujukan

1. Ab. Halim Mohamad. 2009. Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1): 1-14. Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Ahmad Farid Fadhl Mustafa, & Ab Halim Mohamad. 2014. Tahap penguasaan bahasa Arab: Kajian melalui ujian penempatan bahasa Arab (APT). *2nd World Conference on Islamic Thought & Civilization | WCIT2014*: 854-863.
3. Arwansyah Kirin, Ahmad Sharifuddin, Mohd Hisyam Abdul Rahim, Shakila Ahmad, Sharifah Khadijah, & Abdullah Sulaiman. 2021. Impak pengajaran dan pembelajaran secara online: Kajian kes terhadap pelajar sekolah rendah, menengah dan universiti semasa pandemik Covid-19. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*. 2(1): 127-136.  
<https://doi.org/https://doi.org/10.30880/ahcs.2021.02.01.014>.
4. Awatif Abdul Rahman, Hairun Najuwah Jamali, Ku Fatahiyah Ku Azizan, & Bahri, N. S. 2014. Pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca bahasa Arab di KUIS, Teaching and learning of Arabic reading skills in KUIS.] *4th International Conference and Exhibition on Islamic Education (ICEld 2014)*.
5. Bernama. 2022. Pelajar IPT dibenar masuk ke kampus berperingkat mulai 1 Mac. Astro Awani.  
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-ipt-dibenar-masuk-ke-kampus-berperingkat-mulai-1-mac-345905>.
6. Boon, Q. W. 2020. Pandemik Covid-19: Mempercepatkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PDPDT) di kolej komuniti: Isu & cabaran yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar. In *TVET Think Big*. Vol. 4:119-209. Kolej Komuniti Bandar Darulaman.
7. Faculty of Languages and Linguistics. 2022. Introduction To FLL.  
<https://fll.um.edu.my/introduction-to-fll>
8. Fatin Hamimah Rosli, Harun Baharudin, & Noorazi Rani. 2022. Persekutaran bahasa dan keterlibatan pelajar SABK Selangor dalam pembelajaran bahasa Arab. *Akademika*. 92(Isu Khas): 151-162.

- [https://doi.org/https://doi.org/10.17576/akad-2022-92IK1-12.](https://doi.org/https://doi.org/10.17576/akad-2022-92IK1-12)
- 9. Hairun Najwah Jamali, Awatif Abdul Rahman, Ku Fatahiyah Ku Azizan, & Isa, S. N. M. 2017. Pemantapan tahap kemahiran asas bahasa Arab melalui kajian tindakan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 1: 29-43.
  - 10. Hairun Najwah Jamali, Mohd Shafie Zulkifli, Hasanah Hj Iksan, & Haji Ahmad Ismail. 2018. Keperluan pusat bahasa Arab di Malaysia: Satu kajian rintis di KUISCELL. Conference: PASAK 2 2017 At: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
  - 11. Hanis Najwa Shaharuddin, Fitri Nurul ‘Ain Nordin, Hibriyatul Rifhan Abu Bakar, Hairun Najuwah Jamali, & Nor Khadijah Abu Bakar. 2022. Tahap amalan komunikasi non-verbal (KNV) dalam pengajaran guru bahasa Arab di institut pengajian tinggi. *International Journal for Educational Sciences and Language Arts (ESLA)*. 3(1): 3-19.
  - 12. Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abd Rahman, & Hairun Najuwah Jamali. 2014. Tahap kemahiran asas bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education*. 1(2): 20-32.
  - 13. Mastura Arshad, & Kaseh Abu Bakar. 2012. Penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab: Kajian di Pusat Asasi UIAM. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab 2012 (PKEBAR’12)*.
  - 14. Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar bin Abdul Latif, & Muhammad bin Daoh. 2018. Kebolehan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam Malaysia dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. *Selangor Humaniora Review*. 2(1): 9-21.
  - 15. Mohd Zuhir Abd Rahman, & Mohd Azidan Abdul Jabar. 2014. Pengaruh budaya tempatan dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 134: 373-381.  
<https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.259>
  - 16. Nurwaina Rasit, & Zawawi Ismail. 2019. Kebimbangan berbahasa lisan murid bahasa Arab di sekolah menengah agama di Malaysia. *Jurnal Administrasi Pendidikan*. 26(2): 283-294.
  - 17. Rahil Mohd Ghazali & Harun Baharudin. 2016. Penggunaan aplikasi Youtube dalam kemahiran mendengar bahasa Arab pelajar. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Isu-isu Pendidikan 2016*: 230–236. Universiti Malaya.
  - 18. Saipolbarin Ramlie, Zarima Mohd. Zakaria, Nazri Atoh, & Mohammad Sidik Ariffin. 2018. Aplikasi Formula Pola Ayat Dalam Penulisan Teks Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 5(1): 175-184.
  - 19. Sofian Muhammad dan Zainal Abidin Abd. Kadir. 1986. Ke arah sistem pengajaran bahasa Arab. Dlm. Mahayuddin Hj. Yahya (pnyt.). 2022. *Islam dan Pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: 76-85.
  - 20. UNESCO. 2022. World Arabic Language Day.  
<https://www.unesco.org/en/days/world-arabic-language>